

UPMKB, Pejabat Pendidikan Daro anjur Forum Pendidikan Tinggi

Sumbangan Sudirman Asmadi
(Ketua Pengadib Pejabat Pengurusan Akademik dan Penyelidikan UPMKB)

SEMPENA Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bertulis yang bermula pada 30 Januari, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Daro menganjurkan Forum Pendidikan Tinggi bertajuk ‘Antara Mengejar Cita-cita atau Bekerjaya Awal’ di Daro.

Panel forum terdiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Daro, Safiee Ahmad dan Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan (FSPH) UPMKB, Profesor Madya Dr Noorasmah Saupi.

Program itu memberi panduan dan nasihat kepada calon-calon SPM dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2024 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Normah Daro memahami keperluan memilih peluang melanjutkan pendidikan tinggi atau kerjaya awal usia muda.

Forum dimulakan dengan isuberkaitan tarikan ‘ekonomi gig’ seperti kecenderungan bekerja sebagai pemandu dan penghantar makanan e-hailing kalangan lepasan pelajar SPM berbanding melanjutkan pengajian ke peringkat universiti atau institusi pendidikan tinggi.

Safiee berkata, peluang ekonomi gig sebaik-baiknya digunakan sebagai kaedah menjana pendapatan terutamanya ketika menyambung pengajian ke universiti sekali gus perlu dilihat sebagai peluang dan bukan penghalang ke pendidikan tinggi.

“Paling utama kita perlu menilai dan menyesuaikannya dengan kemahiran, minat dan kelayakan memilih sama ada

melanjutkan pengajian atau bekerja awal dalam bidang diminati,” katanya.

Beliau berkata, dari segi bantuan kewangan dan pinjaman pendidikan, pelajar tidak harus menjadikan satu halangan dan masalah terutamanya bagi keluarga berpendapatan rendah B40.

“Pelajar perlu meletakkan keyakinan dan usaha melanjutkan pengajian terlebih dahulu memandangkan masalah kewangan itu hanya persepsi bukan hutang tetapi satu pelaburan,” jelasnya.

Menurutnya, bantuan kewangan dan rezeki itu



PENGHARGAAN: Dr Noorasmah menyampaikan cenderamata daripada UPMKB kepada Safiee.



TANDA KENANGAN: Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMK Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Normah, Has Noh (kanan) mewakili pengetua menyampaikan cenderamata kepada Safiee.

ada sekiranya betul-betul berusaha dan melakukan terbaik mendapatkannya.

“Hari ini banyak bantuan kewangan disediakan pendidikan oleh kerajaan terutamanya Kerajaan Sarawak dan pihak lain menyediakan bantuan serta biasiswa pendidikan,” katanya.

Beliau sendiri sebagai wakil rakyat Daro, bersedia membantu dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan anak-anak muda di Daro.

“Bukan senang hendak senang dan bukan susah hendak susah, yang penting

pupuk minat serta cari peluang belajar,” jelasnya sambil menasihati calon-calon SPM dan STPM bijak memilih keperluan kepakaran pada masa kini dan masa depan.

Katanya, cari pengalaman dengan melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi terutamanya pengalaman belajar di universiti.

“Musuh kita adalah diri kita sendiri dan kita perlu lawan fikiran negatif tidak menggalakkan untuk maju,” jelasnya.

Katanya, selain universiti terdapat institusi-institusi

pendidikan tinggi lain boleh disesuaikan dengan bidang diminati dan keperluan kerjaya pasaran pada masa kini.

Sementara itu, Dr Noorasmah berkata pelajar perlu bijak memilih dan menilai keperluan sama ada menyambung pengajian atau terus memilih kerjaya semasa umur masih muda.

“Nasihat saya, sebaik-baiknya pelajar lepasan SPM melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya terutamanya memenuhi syarat dan kelayakan agar mempunyai pilihan kerjaya masa depan.

Justeru, beliau menasihati pelajar-pelajar tidak terpengaruh dengan budaya glamor iaitu terpukau dengan



FORUM: Dr Noorasmah (dua kanan) memberi penerangan berkaitan topik dibincangkan. Turut kelihatan Safiee (dua kiri) dan moderator, Hairunisa Abdul Rahman serta Ellysa Edward.



UNTUK ALBUM: Safiee merakamkan kenangan bersama pelajar dan pengurusan UPMKB.

“Tidak salah bekerja awal namun pelajar perlu bijak mengambil peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi apakah lagi mendapat tawaran ke universiti,” katanya.

Menurutnya, pelajar perlu melihat masa depan dengan menjadikan pendidikan sebagai asas utama untuk membentuk peluang kerjaya, kerana kegagalan pelajar dalam mengambil peluang ini akan menjadikan mereka kekal di takuk lama.

“Pelajar perlu berusaha mendapatkan keputusan peperiksaan terbaik bagi merebut peluang melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi dan meningkatkan kemahiran dalam bidang kepakaran berbanding bekerja awal di usia muda.”

Beliau berharap anak-anak Daro, Mukah terus bertekad merebut peluang melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi atau meningkatkan kemahiran dalam bidang kepakaran berbanding bekerja awal di usia muda.

Aktiviti lain turut diadakan ialah taklimat kemasukan ke universiti oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta pengembangan pertanian tanaman hidroponik untuk penduduk Kampung Badong dan Kampung Semop.

melanjutkan pendidikan tinggi semakin banyak ditawarkan dengan mengambil contoh beliau sendiri mendapat tajaan sehingga berjaya melanjut pengajian ke peringkat doktor falsafah serta kini bergelar pensyarah universiti.

“Saya sendiri berasal dari keluarga sederhana dan membesar di Kampung Jemoreng, Matu, Mukah dan bersyukur kini mampu membanggakan ibu bapa dan keluarga saya.”

“Maka, jangan berhenti belajar berusaha menyambung pengajian setinggi boleh, dapatkan bantuan kewangan yang ada,” katanya.

Beliau berharap anak-anak Daro, Mukah terus bertekad merebut peluang melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi atau meningkatkan kemahiran dalam bidang kepakaran berbanding bekerja awal di usia muda.

Aktiviti lain turut diadakan ialah taklimat kemasukan ke universiti oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta pengembangan pertanian tanaman hidroponik untuk penduduk Kampung Badong dan Kampung Semop.